


UNISSA adakan Bengkel Keusahawanan 2020



MAJLIS Penutup Bengkel Keusahawanan 2020 yang diadakan selama dua hari itu diakhiri dengan sesi bergambar ramai bersama Penolong Rektor (Akademik), UNISSA, Profesor Madya Dr. Siti Sara binti Haji Ahmad (duduk, tiga dari kiri) yang hadir selaku tetamu kehormat majlis.

Berita dan Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

BANDAR SERI BEGAWAN, (UNISSA) melalui Fakulti Khamis, 3 September. - Universiti Ekonomi dan Kewangan Islam Sultan Sharif Ali (FEKIm) mengadakan Bengkel

Keusahawanan 2020 yang diadakan selama dua hari, bermula 2 dan 3 September 2020, di Auditorium, UNISSA.

Seramai 58 peserta, terdiri daripada kalangan pelajar FEKIm, UNISSA mengikuti bengkel tersebut, di mana bengkel tersebut direka khusus untuk membuka minda para peserta dalam menjana pendapatan, di samping menanamkan sikap, komitmen dan disiplin yang tinggi agar sentiasa bersedia untuk menceburi diri dalam bidang keusahawanan menerusi peluang-peluang yang sedia ada.

Sehubungan itu, majlis penutupan bengkel berkenaan diadakan bagi meraikan para peserta yang mengikuti bengkel tersebut, dihadiri oleh Penolong Rektor (Akademik), UNISSA, Profesor Madya Dr. Siti Sara binti Haji Ahmad selaku tetamu kehormat majlis.

Semasa menyampaikan ucapan alu-aluan, Pengerusi Majlis, Dekan FEKIm, UNISSA, Dr. Abdul Nasir bin Haji Abdul Rani menekankan bahawa Bengkel Keusahawanan tersebut sangat signifikan dijadikan sebagai aktiviti tahunan fakulti kerana ia merupakan wadah penyampai maklumat penting khususnya kepada pelajar Tahun 3 FEKIm untuk mendapatkan pendedahan dan membuat persediaan awal bagi menjalani Kursus Wajib Fakulti, iaitu Projek Keusahawanan (Entrepreneurship Project) yang akan dijalankan oleh pelajar berkenaan dalam tempoh 20 minggu dengan dipantau dan dibantu oleh penyelia-penyelia yang terdiri daripada tenaga akademik FEKIm yang telah dilantik.

Majlis Penutupan Bengkel Keusahawanan 2020 turut diselenggarakan dengan acara Penandatanganan Memorandum Persefahaman (MoU) di antara FEKIm, UNISSA dengan LiveWIRE Sdn. Bhd. dan Yasaar Advisory Services (B) Sdn. Bhd.

Dengan termeterainya memorandum tersebut

menjadikannya permulaan penting yang membuka jalan seluas-luasnya kepada kedua-dua buah institusi untuk mengembangluaskan lagi skop hubungan kerjasama dua hala, di pelbagai bidang, khususnya dalam pertukaran bidang kepakaran, pengalaman dan kemahiran.

Mewakili UNISSA dalam penandatanganan memorandum tersebut, Dekan FEKIm, UNISSA, Dr. Abdul Nasir, manakala mewakili LiveWIRE Brunei Sdn. Bhd ialah Pengerusi LiveWIRE dan Pengurus in Country Value, Syarikat Minyak Brunei Shell Sdn. Bhd., Dayang Hajah Rosita binti Haji Hassan, diikuti dengan penandatanganan bersama Yasaar Advisory Services (B) Sdn. Bhd. yang ditandatangani oleh Pengarah Eksekutif Yasaar Advisory Services (B) Sdn. Bhd., Awang Haji Aidil Bahrin bin Dato Seri Laila Jasa Haji Mohd. Salleh dan disaksikan oleh tetamu kehormat majlis.

Sepanjang bengkel tersebut, para peserta diberikan pendedahan tentang keperluan asas menjadi usahawan, sekali gus mempersiapkan diri sebelum berkecimpung dalam dunia keusahawanan yang sebenar.

Teknik mengembangkan idea perniagaan ke dalam pelan perniagaan yang bersestematik,

berdaya maju dan berdaya saing serta cara-cara pengurusan kewangan, kos operasi, teori pengurusan dan pemasaran merupakan antara isi penting yang diajarkan kepada para peserta bengkel di bawah bimbingan fasilitator bengkel Penasihat Perniagaan, Pengajian Tinggi, Program Keusahawanan dari LiveWIRE Sdn. Bhd., Awang Afiq bin Muhammad.

Bengkel keusahawanan tersebut turut diisikan dengan dua sesi ceramah umum yang selari dengan fokus bengkel, iaitu ceramah pertama memfokuskan keusahawanan Islam, di mana Pengiran Redzuan bin Pengiran Haji Abbas dari LiveWIRE Brunei Sdn. Bhd. menyampaikan ceramah bertajuk 'My Opportunity'.

Manakala ceramah kedua pula memfokuskan kepada kewangan Islam, disampaikan oleh Awang Haji Aidil Bahrin bin Dato Seri Laila Jasa Haji Mohd. Salleh yang membawa tajuk 'Investment and Asset Classes'.

Bengkel tersebut diharap akan dapat terus meningkatkan lagi kesedaran, khususnya dalam diri peserta tentang kepentingan bekerja sendiri dan mengangap pilihan dalam bidang keusahawanan merupakan pilihan realistik mencari sumber rezeki yang halal dalam kehidupan.



ACARA Pertukaran MoU di antara FEKIm, UNISSA dan Yasaar Advisory Services (B) Sdn. Bhd. yang disaksikan oleh tetamu kehormat.

كمتترین كصیحتن
KEMENTERIAN KESIHATAN
MINISTRY OF HEALTH

SIAPAKAH YANG PERLU MENGGUNAKAN PENUTUP MULUT DAN HIDUNG?

! Penutup mulut dan hidung secara amnya **tidak perlu digunakan bagi orang yang sihat.**

Gunakan penutup mulut dan hidung **JIKA** awda

demam

batuk

selsema

Cara penggunaan penutup mulut dan hidung yang betul.

Tutup keseluruhan mulut, hidung dan dagu dengan lapisan bewarna menghadap keluar.

Pastikan ianya tertutup rapi dengan membentuk kepingan logam mengikut bentuk hidung.

Tanggalkan dengan hanya memegang ta penyangkut telinga selepas selesai memakainya.

Cuci tangan dengan air dan sabun selepas membuang penutup mulut dan hidung dengan betul.

Untuk lebih berkesan, kerap menukar penutup mulut dan hidung awda, atau jika ianya kotor atau basah.

Imbas di sini untuk keterangan lanjut.

www.moh.gov.bn | Facebook | Instagram | Twitter | 123